

# **GARIS PANDUAN**

**PROGRAM SARINGAN PRIHATIN (PSP)  
PERKESO: SUBSIDI SARINGAN COVID-19  
KEPADA MAJIKAN**



**12 Oktober 2020**

## 1. LATAR BELAKANG

Program Saringan Prihatin (PSP) PERKESO merupakan program saringan bagi wabak COVID-19 yang dijalankan kepada pekerja termasuk pekerja asing yang merupakan pencarum PERKESO. Program yang telah dilaksanakan bermula 27 April 2020 bertujuan bagi membantu kerajaan dalam mengawal penularan wabak COVID-19 dalam industri yang telah mula beroperasi. Program ini memberikan tumpuan dan keutamaan saringan Covid-19 melibatkan pekerja-pekerja yang berisiko tinggi jangkitan COVID-19 selaras dengan arahan kerajaan untuk menjalankan saringan secara bersasar.

Program ini akan meluaskan skop melalui pemberian subsidi saringan kepada majikan. Peluasan skop bagi subsidi saringan ini akan berkuatkuasa bagi ujian saringan Covid-19 melalui kaedah *Reverse Transcriptase Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) sahaja yang dijalankan **bermula 12 Oktober 2020** kepada semua pekerja bagi semua sektor pekerjaan yang merupakan pencarum PERKESO di Kuala Lumpur dan Selangor termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya. Bermula **12 September 2020** bagi negeri **Kedah** dan **6 Oktober 2020** bagi negeri **Sabah**. Saringan Covid-19 RT-PCR yang dijalankan kepada pekerja-pekerja selain daripada yang dinyatakan di atas adalah tidak termasuk di dalam peluasan skop ini dan **tidak layak** bagi tuntutan subsidi saringan.


## 2. KUMPULAN SASARAN

Peluasan skop PSP PERKESO ini adalah kepada **semua pencarum PERKESO termasuk pekerja tempatan dan juga pekerja asing bagi semua sektor di Kedah, Sabah dan Selangor serta Kuala Lumpur termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya.**

### **3. TATACARA SARINGAN DAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK SUBSIDI SARINGAN.**

- 3.1. Majikan boleh menghubungi mana-mana klinik atau penyedia perkhidmatan yang menawarkan perkhidmatan saringan COVID-19 menggunakan makmal yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 3.2. Lokasi saringan adalah berdasarkan persetujuan majikan dan pihak klinik atau penyedia perkhidmatan.
- 3.3. Hanya saringan melalui kaedah RT-PCR yang dibenarkan.
- 3.4. Majikan hendaklah menanggung kos saringan terlebih dahulu dan kemudian membuat tuntutan subsidi daripada PERKESO setelah proses saringan disempurnakan.
- 3.5. PERKESO akan membuat bayaran sehingga RM150 bagi satu saringan untuk seorang pekerja.
- 3.6. **Hanya saringan yang dijalankan ke atas semua pekerja iaitu pencarum PERKESO bagi semua sektor pekerjaan di negeri Selangor dan Kuala Lumpur termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya serta negeri Kedah dan Sabah sahaja yang layak mendapat tuntutan bayaran balik subsidi saringan.**
- 3.7. Resit yang dilampirkan daripada klinik / hospital hendaklah mempunyai maklumat nama pekerja yang menjalankan saringan dan tarikh menjalani saringan.
- 3.8. Carta aliran tatacara adalah seperti berikut:

## CARTA ALIRAN PERMOHONAN TUNTUTAN SUBSIDI OLEH MAJIKAN



#### **4. KEPUTUSAN SARINGAN**

- 4.1.** Pekerja boleh memperolehi keputusan saringan secara langsung melalui penyedia perkhidmatan yang dilantik atau klinik berdasarkan pilihan saringan yang dibuat.
- 4.2.** Keputusan saringan perlu dinyatakan didalam sistem tuntutan bagi membolehkan bayaran balik bersubsidi dibuat. Dengan membuat tuntutan ini, majikan dan pekerja telah memberi persetujuan untuk mendedahkan keputusan ujian saringan kepada PERKESO

#### **5. LAIN-LAIN**

- 5.1.** Setiap permohonan perlu memuat naik resit yang disertakan nama pekerja dan keputusan saringan bagi setiap pekerja yang berkenaan.
- 5.2.** Setiap resit hanya layak untuk satu permohonan sahaja.
- 5.3.** Nombor BRN yang dikemukakan akan digunakan bagi tujuan pembayaran dan majikan perlu mengemukakan nombor BRN yang telah disahkan oleh pihak bank terlebih dahulu.
- 5.4.** Majikan perlu memastikan dokumen dan maklumat yang dikemukakan adalah lengkap dan betul bagi mengelakkan masalah kelewatan bayaran oleh pihak PERKESO.
- 5.5.** Pendaftaran majikan bagi sistem tuntutan subsidi PSP memerlukan maklumat-maklumat berikut:
  - 5.5.1** Profil:
    - 1) Kod majikan
    - 2) Nama majikan
    - 3) Alamat perusahaan
    - 4) Nombor telefon
    - 5) Emel
    - 6) Industri

**DASHBOARD**

Utama

Permohonan

Status

Maklumat Majikan

Profil

Bank

Wakil Majikan

Tukar Kata Laluan

**PROFIL**

Kod Majikan

Nama Majikan

Alamat Perusahaan

Poskod

Bandar

Negeri

Nombor Telefon

E-mel

Industri

### 5.5.2 Maklumat bank

- 1) Nama bank
- 2) Nombor akaun bank
- 3) *Bank registration number (BRN)*

**DASHBOARD**

Utama

Permohonan

Status

Maklumat Majikan

Profil

Bank

Wakil Majikan

Tukar Kata Laluan

**MAKLUMAT BANK**

Kod Majikan

Nama Majikan

Nama Bank

No Akaun Bank

Nombor BRN

Nombor Akaun Semasa bank majikan yang AKTIF.  
(BUKAN Akaun Simpanan / Akaun Pinjaman / Akaun Kad Debit / Kredit / Akaun e-Wallet).

Nombor BRN majikan yang didaftar di BANK ketika pembukaan AKAUN BANK syarikat dan masih SAH sehingga kini.

1) Saya mengesahkan bahawa maklumat akaun bank yang dilengkapkan adalah tepat dan betul bagi pembayaran kepada akaun majikan.

2) Saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesahihan maklumat akaun bank yang diberikan di atas.

3) PERKESO tidak akan bertanggungjawab terhadap kesilapan pembayaran yang mungkin timbul berkaitan kesilapan maklumat akaun bank yang dilengkapkan di atas.

### 5.5.3 Wakil majikan

- 1) Nama
- 2) Jawatan
- 3) Nombor Mykad
- 4) Nombor telefon
- 5) E-mel

The screenshot displays a web dashboard interface. On the left is a dark blue sidebar menu with the following items: 'Utama', 'Permohonan', 'Status', 'Maklumat Majikan' (expanded to show 'Profil', 'Bank', and 'Wakil Majikan'), and 'Tukar Kata Laluan'. The main content area is titled 'WAKIL MAJIKAN' and contains five input fields, each with a label and a text box:

- Nama
- Jawatan
- Nombor MyKad
- Nombor Telefon
- E-mel